

MPK awasi kediaman jadi premis sarang burung walet

GAMBAR HIASAN | BERITA HARIAN

? DIFAHAMKAN, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) tidak lagi meluluskan lesen kepada pengusaha sarang burung walet yang ingin menjalankan perusahaannya itu di pusat bandar.

Bagaimanapun, saya masih curiga kerana terdapat premis perniagaan dan rumah kediaman dijadikan premis burung walet hingga mengganggu keharmonian penduduk terutama dari segi bau dan bunyi bising.

Dalam isu ini, penguatkuasaan lebih tegas perlu dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan masalah terbabit tidak berpanjangan.

WARGA PRIHATIN,
Sungai Isap, Kuantan

TERIMA kasih kepada saudara yang prihatin dengan kewujudan premis burung walet di kawasan pentadbiran MPK.

Sebenarnya, tindakan lebih tegas akan dikenakan terhadap pengusaha sarang burung walet di kawasan pentadbiran MPK yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan.

Penguatkuasaan itu bagi memastikan pengusaha terba-



PREMIS sarang burung walet di pekan ganggu penduduk.

bit mematuhi peraturan dan mempunyai lesen termasuk menjaga sensitiviti masyarakat.

Ini kerana MPK ada menerima aduan daripada orang ramai yang tidak berpuas hati dan tidak selesa dengan kewujudan premis terbabit yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka termasuk

menjadikan kediaman sebagai premis burung walet.

Dalam hal ini, saya memandang serius jika ada pengusaha burung walet yang tidak mematuhi peraturan dan tindakan tegas termasuk kompaun akan dikeluarkan bagi memastikan perkara itu tidak berulang.

Sejak 2007, MPK tidak lagi

mengeluarkan lesen pembinaan rumah burung walet terutama di kawasan bandar bagi memastikan perniagaan itu terkawal sekali gus tidak mengganggu ketenteraman awam.

**DATUK ZULKIFLI
YAACOB,**
Yang Dipertua MPK.